

28/04/1998

Sidang perniagaan Apec 14 November

MALAYSIA sekali lagi akan menjadi tumpuan apabila tokoh perniagaan terkemuka dunia berkumpul di Kuala Lumpur bagi menghadiri sidang kemuncak perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) selama tiga hari bermula 14 November ini.

Sidang kemuncak perniagaan itu yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) adalah sempena mesyuarat pemimpin ekonomi Apec yang diadakan pada 16 dan 17 November ini.

Ini adalah kali ketiga pemimpin sektor swasta dari Asia Pasifik, selepas Manila dan Vancouver berhimpunan atas landasan Apec bagi memberi input sektor swasta ke dalam arah yang digubal oleh pemimpin Apec, biasanya menteri perdagangan negara anggota.

Pengerusi baru Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Abac), Tan Sri Tajudin Ramli, berkata peserta akan menggunakan sidang kemuncak perniagaan Apec untuk mengenal pasti peluang perniagaan baru, pelaburan dan pemindahan teknologi.

"Matlamat lain adalah untuk mempromosikan konsep perkongsian bijak kepada masyarakat perniagaan keseluruhannya," katanya dalam taklimat untuk media mengenai persidangan itu di Petaling Jaya, semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Ketua Pengarah Majlis Ekonomi Lembah Pasifik (PBEC), Rohana Tan Sri Mahmood.

Hadir sama Ketua Eksekutif Institut Strategi dan Kepemimpinan Asean (Asli), Datuk Michael Yeoh, Penolong Ketua Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarbangsa Malaysia (ISIS), Philip Mathews dan Pengerusi Jawatankuasa Publisiti Sidang Kemuncak Perniagaan Apec, Ahmad A Talib.

Mesyuarat pemimpin ekonomi Apec adalah perhimpunan tidak rasmi bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan pencapaian keanjalan perdagangan dan kerjasama ekonomi di rantau Asia Pasifik.

Abac adalah cabang sektor swasta Apec, yang ditubuhkan oleh ketua ekonomi pada 1995 untuk memberi nasihat berhubung perkara berkaitan dengan perniagaan di Asia Pasifik.

Malaysia akan mempengerusikan forum Apec bagi 1998 dan sejajar dengan amalan Abac yang mahu tokoh perniagaan mempengerusikan mesyuarat itu.

Tajudin yang juga Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) berkata, pemimpin perniagaan sama ada dari Malaysia atau luar negara, harus menggunakan forum itu nanti bagi bertukar pendapat, pengalaman dan yang penting mempromosi perniagaan serta perikatan strategik.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Bill Clinton dari Amerika Syarikat dijemput untuk menyampaikan ucap utama masing-masing di sidang kemuncak itu.

(END)